

Pertahan semangat kekeluargaan dalam UMNO — Mahathir

KUALA LUMPUR, 3 NOV 1992

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan, perpaduan parti dan semangat kekeluargaan dalam UMNO harus dipertahankan setiap masa kerana sejarah telah membuktikan UMNO tidak boleh digugat dari luar tetapi boleh dilemahkan dari dalam.

Presiden UMNO itu mahu ahli-ahli mengutamakan kepentingan parti dan mengelakkan sebarang perselisihan faham dan perebutan jawatan yang boleh melemahkan parti.

Beliau menegaskan, adalah menjadi tanggungjawab seluruh pemimpin dan ahli UMNO di semua peringkat menentukan UMNO tetap berkuasa.

"Andainya kita berpecah-belah dan berebut jawatan secara tidak sihat, perjuangan mengukuhkan parti dan mempertahankan kuasa akan terhakis. Tidak ada gunanya berbalah dan berebut jawatan kalau kita akhirnya hilang kuasa," tegasnya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian dalam perutusannya

(17) pada penyata tahunan UMNO 1991 yang akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung UMNO 1990 di sini dari Khamis hingga Ahad ini.

Salinan perutusan itu diedarkan oleh Setiausaha Agung UMNO, Dato' Mohamed Rahmat pada sidang akhbar di ibu pejabat UMNO hari ini.

Presiden UMNO itu berkata, UMNO kini merupakan sebuah organisasi politik yang bertanggungjawab dan perannya kini kian penting untuk masa depan bangsa dan negara.

Menurutnya, dalam memasuki dekad-dekad tahun 2000, ahli-ahli UMNO harus mempersiapkan parti agar UMNO menjadi wadah seluruh rakyat tanpa mengira keturunan dan kepercayaan untuk mencapai cita-cita membangunkan sebuah negara industri khususnya Wawasan 2020.

"Perjuangan kita masih panjang, Matlamat parti dan negara masih perlu diperjuangkan dengan lebih gigih demi menjayakan perjuangan mengekalkan kuasa yang ada.

"Adalah menjadi harapan saya agar perpaduan dalam parti, perjuangan menegakkan kepentingan parti akan terus menjadi pegangan kepada semua ahli parti," katanya.

Dr. Mahathir menambah, sejak pemulihan parti pada tahun 1988, kedudukan UMNO kini bertambah kuat dan kukuh dan ini membuktikan sokongan orang-orang Melayu dan rakyat jelata pada UMNO semakin meningkat, kuat, lagi padu.

"Kita tidak lagi bergantung semata-mata pada hasil pertanian kita. Negara kita kini bergerak pesat menuju tahap sebuah negara industri. Kita memerlukan pasaran yang luas tanpa sekatan di Amerika, Eropah, Latin Amerika, Jepun, bahkan seluruh dunia.

Dr. Mahathir turut mengalu-alukan penyertaan pertama kali perwakilan UMNO dari Sabah ke Perhimpunan Agung UMNO kali ini. Beliau yakin penyertaan mereka akan mengukuhkan lagi perjuangan UMNO di seluruh negara.